

UNDANG-UNDANG KETERANGAN DALAM KES FASAKH DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA: SATU SOROTAN LITERATUR

LAW OF EVIDENCE IN FASAKH CASES IN THE MALAYSIAN SHARIAH COURTS: A LITERATURE REVIEW

Ilham Mustapa¹
Hadenan Towpek²
Rafeah Saidon³

¹Ph.D Candidate, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia

Email: 2023260938@student.uitm.edu.my

²Professor Madya, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia

Email: hadenan298@uitm.edu.my

³Professor Madya, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

Email: rafeahs@uitm.edu.my

⁴Professor Madya, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

Email: syahiran@uitm.edu.my

*Corresponding author: 2023260938@student.uitm.edu.my

Article history

Received date : 26-11-2025

Revised date : 27-11-2025

Accepted date : 22-12-2025

Published date : 29-12-2025

To cite this document:

Mustapa, I., Towpek, H., Saidon, R., & Abdul Latif, M. S. (2025). Undang-Undang Keterangan dalam Kes Fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 294 – 308.

Abstrak: Undang-undang keterangan merupakan teras penting dalam sistem kehakiman kerana menentukan mekanisme pembuktian sesuatu fakta di mahkamah. Walaupun wacana akademik mengenai undang-undang keluarga Islam semakin meluas, sorotan literatur menunjukkan bahawa aspek undang-undang keterangan dalam kes fasakh di Mahkamah Syariah masih belum diberi perhatian mendalam. Penulisan terdahulu lebih menumpukan kepada alasan fasakh dan prosedur perbicaraan, sedangkan isu kritikal seperti beban pembuktian, darjah pembuktian serta potensi penggunaan pernyataan saksi bertulis belum dianalisis secara sistematik. Artikel ini menilai secara kritis perkembangan literatur berkaitan undang-undang keterangan dalam kes fasakh dengan memberi tumpuan kepada kerangka teori Syariah, analisis perbandingan dengan Mahkamah Sivil, serta dasar pentadbiran kehakiman. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan kaedah content analysis bagi mengenal pasti tema utama serta jurang pengetahuan. Dapatan menunjukkan wujud ketidakkonsistenan antara prinsip normatif fiqh dan amalan kehakiman, khususnya dalam penentuan beban dan tahap pembuktian, yang memberi kesan terhadap keberkesanan prosiding fasakh. Kajian ini mencadangkan penyelidikan normatif-empiris lanjut berasaskan

pengalaman hakim, peguam syarie, dan pihak berperkara bagi membangunkan kerangka pembuktian yang lebih konsisten dan responsif. Penambahbaikan ini diyakini dapat memperkukuh sistem perundangan Syariah agar lebih efisien, adil, serta selaras dengan maqāṣid al-sharī'ah.

Kata kunci: *Undang-undang keterangan, fasakh, Mahkamah Syariah, beban pembuktian, darjah pembuktian, pernyataan saksi, maqāṣid al-sharī'ah.*

Abstract: *The law of evidence is a fundamental pillar of the judicial system as it determines how facts are established in court. Although scholarly discourse on Islamic family law in Malaysia has expanded, the literature indicates that evidentiary aspects in fasakh (dissolution of marriage) cases before the Syariah Court remain underexplored. Previous studies largely addressed grounds for fasakh and procedural issues, while critical topics such as the burden of proof, standard of proof and the potential use of written witness statements have not been systematically analysed. This article critically reviews the literature on evidentiary law in fasakh cases, focusing on the Syariah theoretical framework, comparative analysis with the Civil Court, and judicial administrative policies. Adopting a qualitative document analysis approach, the study applies content analysis to identify core themes and research gaps. Findings reveal inconsistencies between normative fiqh principles and judicial practice, particularly in the application of burdens and standards of proof, which undermine the effectiveness of fasakh proceedings. The article recommends further normative-empirical research drawing on the practical experiences of judges, Syariah lawyers, and litigants to construct a more coherent and responsive evidentiary framework. Such reform is essential to strengthen Syariah evidentiary law in Malaysia, ensuring it remains efficient, just, and aligned with the objectives of Islamic law (maqāṣid al-sharī'ah).*

Keywords: *Law of evidence, fasakh, Syariah Court, burden of proof, standard of proof, witness statement, maqāṣid al-sharī'ah*

Pengenalan

Undang-undang keterangan merupakan elemen penting dalam prosiding fasakh di Mahkamah Syariah kerana ia menentukan bagaimana fakta bagi alasan pembubaran perkahwinan dibuktikan dan dinilai oleh hakim (Ilham et. al., 2025). Penilaian terhadap keterangan mempunyai implikasi langsung terhadap keadilan substantif dan perlindungan hak pihak-pihak berperkara, khususnya dalam kes yang melibatkan dakwaan kemudaratannya seperti kegagalan nafkah, penderaan dan konflik rumah tangga yang berpanjangan (Abu Sufian et al., 2024).

Walaupun kajian berkaitan fasakh di Malaysia telah berkembang, perbincangan akademik sedia ada lebih tertumpu kepada alasan pembubaran perkahwinan dan aspek tatacara prosiding. Aspek undang-undang keterangan, khususnya penentuan beban pembuktian, darjah pembuktian dan kaedah pengemukaan keterangan, lazimnya disentuh secara umum dan terpisah. Sehubungan itu, tiada kajian sorotan literatur yang secara khusus dan sistematik mengintegrasikan kerangka pembuktian menurut hukum syarak, amalan kehakiman di Mahkamah Syariah dan perbandingan terpilih dengan pendekatan Mahkamah Sivil, termasuk dalam konteks perkembangan penggunaan pernyataan saksi secara bertulis.

Berdasarkan jurang tersebut, artikel sorotan ini menghimpunkan dan menilai secara kritis literatur berkaitan undang-undang keterangan dalam kes fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia. Artikel ini memberi fokus kepada mekanisme pembuktian dengan mengintegrasikan perbincangan mengenai beban pembuktian, darjah pembuktian dan kaedah pengemukaan keterangan, serta menyoroti isu dan cabaran penggunaan pernyataan saksi dari sudut perundangan syariah dan dasar pentadbiran kehakiman. Pendekatan ini bertujuan menyediakan asas konseptual yang lebih jelas bagi penyelidikan lanjutan dan penambahbaikan amalan pembuktian dalam prosiding fasakh.

Metodologi Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada analisis dokumen, iaitu kaedah yang lazim digunakan dalam kajian perundangan dan kajian sosial (Creswell & Creswell, 2018; Hart, 2018; Muhaimin, 2020). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menilai corak pemikiran dan perkembangan wacana berkaitan undang-undang keterangan dalam kes fasakh di Mahkamah Syariah, seterusnya mengenal pasti jurang pengetahuan yang masih wujud.

Seperti yang ditegaskan oleh Booth, Colomb dan Williams (2008), sorotan literatur bukan sekadar menyusun semula dapatan terdahulu, tetapi juga menilai kekuatan, kelemahan dan relevansinya terhadap objektif kajian semasa. Sehubungan itu, pemilihan literatur dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria tertentu, iaitu sumber yang membincangkan secara langsung undang-undang keterangan Syariah, pembuktian dalam prosiding fasakh, atau isu berkaitan beban pembuktian, darjah pembuktian dan kaedah pengemukaan keterangan di Mahkamah Syariah. Kajian yang hanya menumpukan aspek alasan fasakh atau prosedur tanpa perbincangan bermakna tentang mekanisme pembuktian tidak diberikan penekanan utama dalam sorotan ini.

Proses analisis dijalankan secara sistematik melalui penelusuran artikel jurnal, buku akademik, laporan penyelidikan, laporan kes serta undang-undang bertulis termasuk akta, enakmen dan ordinan yang berkuat kuasa di Malaysia. Dari segi skop temporal, literatur yang dianalisis merangkumi karya yang diterbitkan terutamanya dari awal 1990-an hingga tahun 2025 bagi mencerminkan perkembangan undang-undang keluarga Islam dan undang-undang keterangan syariah dalam konteks Malaysia kontemporari.

Sumber-sumber tersebut dianalisis dengan merujuk kepada teknik analisis kandungan yang disarankan oleh Krippendorff (2019), iaitu dengan mengenal pasti tema utama seperti kerangka teori-konseptual pembuktian menurut hukum syarak, beban pembuktian dan darjah pembuktian. Selanjutnya, literatur dibandingkan secara kritis antara konteks Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi menilai potensi adaptasi amalan terbaik, khususnya berhubung penggunaan pernyataan saksi di Mahkamah Syariah. Seiring dengan pandangan Snyder (2019), metodologi sorotan literatur ini berfungsi bukan sahaja untuk menghimpunkan pengetahuan sedia ada, tetapi juga membina asas konseptual bagi penyelidikan normatif-empiris yang dicadangkan dalam kajian akan datang.

Kerangka Teori-Konseptual Pembuktian Menurut Syarak Dan Undang-Undang Keterangan

Kajian berhubung konsep pembuktian dalam undang-undang keterangan Islam menunjukkan bahawa kerangka ini berasaskan prinsip-prinsip syarak yang dirumuskan oleh fuqaha, khususnya fuqaha mazhab Shāfi'ī (Ruzman, 2008; Mohd Sabree Nasri & Ruzman, 2020). Bentuk pembuktian utama yang sering dibincangkan termasuklah kesaksian (*syahādah*), pengakuan (*iqrār*), dokumen (*kitābah*), bukti tidak langsung atau *qarīnah*, serta sumpah (Wan Abdul Fatah & Zulfakar Ramlee, 2013).

Menurut pandangan mazhab Shāfi'ī, *syahādah* dianggap sebagai alat bukti paling utama selepas *iqrār*, dengan syarat saksi hendaklah seorang Muslim, baligh, berakal, dan adil (Nik Nur Farahin, 2019). Walaupun syarat ini kadangkala sukar dipenuhi (Azizah & Ruzman, 2017; Mohd Sabree & Ruzman, 2020), ia tetap penting dalam memastikan ketepatan dan kesahihan keterangan, selaras dengan prinsip *maqāsid syar'iyah* yang menekankan keadilan dan perlindungan hak individu (Mushaddad et al., 2018).

Selain kesaksian, pembuktian melalui dokumen turut diberi perhatian. *Kitābah* yang pada asalnya berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah, kini meliputi perjanjian, surat-menyurat, rekod rasmi, dokumen digital, serta rakaman audio (Bahiyah, 2019; Wan Abdul Fatah & Zulfakar Ramlee, 2013). Perkembangan moden juga membolehkan penerimaan bukti saintifik seperti DNA, cap jari, dan forensik lain, meskipun penggunaannya dalam Mahkamah Syariah masih terhad (Muhammad Hazim et al., 2020).

Dalam keadaan di mana bukti material tidak mencukupi, sumpah sering digunakan sebagai kaedah terakhir untuk menyokong sesuatu dakwaan. Dua bentuk sumpah yang dikenal pasti ialah sumpah *ghayr qadā'iyah* (di luar mahkamah) dan sumpah *qadā'iyah* (di hadapan hakim), dengan sumpah *qadā'iyah* lebih relevan dalam prosiding kehakiman (Wan Abdul Fattah et al., 2021). Nilai sumpah di mahkamah bukan sahaja bersifat perundangan, bahkan turut mengandungi dimensi moral dan spiritual kerana ia dilakukan dengan menyebut nama Allah, meskipun tertakluk kepada syarat tertentu seperti Muslim, mukalaf dan lafaz yang sah (Suhaizad et al., 2020). Kajian terdahulu turut menekankan kepentingan sumpah *nafy al-'ilmi* dalam keadaan di mana tertuduh menafikan pengetahuan tentang sesuatu isu dan tiada bukti lain yang mencukupi (Wan Abdul Fattah et al., 2021).

Dari perspektif metodologi perundangan, beberapa kajian menyorot kepentingan instrumen fiqh seperti *qawā'id fiqhiyyah* dan *dawābit fiqhiyyah* dalam proses pembuktian (Abdulrahman Zain & Noor Naemah, 2021; Ilham et. al., 2025; Zulfaqar Mamat, 2020). Kaedah seperti *lā darar wa lā dirār* misalnya, diaplikasikan untuk memastikan tiada pihak yang dilindungi undang-undang mengalami mudarat (Zulfaqar Mamat, 2020). Hal ini menunjukkan kesinambungan antara prinsip tradisional hukum Islam dengan realiti peraturan moden dalam menjamin keadilan perbicaraan.

Sehubungan itu, kajian Ilham et al. (2025) menambah dimensi empirikal dengan meneliti bagaimana kaedah fiqhiyyah seperti *al-aṣl*, *al-zāhir* dan *al-'ādah* diaplikasikan dalam penentuan beban pembuktian kes fasakh di Mahkamah Syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketidakjelasan atau ketidakkonsistenan dalam penggunaan kaedah tersebut sering mengakibatkan percanggahan penghakiman, khususnya dalam isu nafkah dan penderaan

rumah tangga. Dapatan ini menegaskan keperluan latihan berterusan kepada hakim dan peguam syarie serta pembangunan garis panduan berasaskan fiqh bagi memastikan aplikasi kaedah pembuktian lebih konsisten, selaras dengan *maqāsid al-sharī'ah*.

Meskipun perbincangan literatur mengenai pembuktian dalam Mahkamah Syariah sudah agak meluas, sebahagian besarnya masih bersifat konseptual dan deskriptif. Kajian-kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penghuraian bentuk-bentuk keterangan berdasarkan pandangan fuqaha dan peruntukan enakmen, namun kurang memberikan perhatian kepada analisis mendalam tentang aplikasi prinsip tersebut dalam kes sebenar. Kekurangan ini amat ketara dalam konteks kes kekeluargaan seperti fasakh, di mana kajian empirikal masih terbatas. Justeru, wujud keperluan kepada penyelidikan normatif-empiris yang meneliti secara langsung bagaimana hakim mengaplikasikan dan menilai bukti, termasuk aspek beban dan tahap pembuktian serta konsistensi penerapan prinsip fiqh dalam alasan penghakiman. Penyelidikan sebegini berpotensi menjembatani jurang antara kerangka konseptual dengan realiti praktis kehakiman, sekali gus menyumbang kepada penambahbaikan undang-undang keterangan agar lebih responsif terhadap keperluan keadilan kontemporari (Muhaimin, 2020).

Beban Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Syariah

Dalam konteks Mahkamah Syariah, beban pembuktian secara asasnya terletak pada pihak yang mengemukakan dakwaan. Prinsip ini selaras dengan kaedah asas hukum Syariah yang menetapkan bahawa *al-bayyinah 'alā al-mudda'*—yakni pihak yang mendakwa perlu mengemukakan bukti bagi menyokong tuntutan (Mohd Sabree & Ruzman, 2022). Prinsip ini menjadi landasan utama proses penghakiman bagi memastikan setiap dakwaan tidak diterima semata-mata atas dasar persepsi atau dakwaan kosong, sebaliknya perlu disokong dengan keterangan yang mencukupi.

Walaupun prinsip asas ini jelas, perbincangan akademik menunjukkan bahawa isu beban pembuktian masih sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengamal undang-undang Syariah di Malaysia. Kajian Suhaizad (2021), misalnya, mendapati bahawa terdapat ketidakseragaman dalam kefahaman serta aplikasi konsep beban pembuktian, sekali gus memberi kesan kepada konsistensi penghakiman. Hal ini berlaku meskipun terdapat rangka kerja undang-undang keterangan yang telah memperincikan pembahagian beban pembuktian kepada dua kategori utama, iaitu beban undang-undang (legal burden of proof) dan beban keterangan (evidential burden) (Ruzman, 2007; Ruzman & Mohd Istajib, 2011; Mohd Sabree & Ruzman, 2022; Suhaizad et al., 2020).

Kedua-dua bentuk beban ini menuntut kemahiran interpretatif dan penguasaan hukum Syarak, kerana ia tidak sekadar bersifat teknikal perundangan tetapi turut berpaut pada asas teori fiqh. Antara yang sering dirujuk ialah prinsip *istishāb*, iaitu suatu bentuk kaedah fiqhiyyah yang berfungsi mengekalkan status hukum asal selagi tiada bukti kukuh yang mampu mengubahnya (Ilham et al., 2025). Oleh itu, penentuan beban pembuktian dalam Mahkamah Syariah bukan sahaja melibatkan dimensi normatif undang-undang, tetapi juga pemahaman yang mendalam terhadap disiplin usul fiqh yang mendasarinya.

Dalam hal ini, kajian Ilham et al. (2025) memberikan sumbangan penting dengan menganalisis bagaimana prinsip beban pembuktian diaplikasikan secara langsung dalam penghakiman kes fasakh. Kajian ini menunjukkan bahawa hakim syarie menggunakan kaedah fiqhiyyah seperti

al-aṣl, *al-zāhir* dan *al-‘ādah* muhakkamah bagi menentukan pihak mana yang harus memikul beban pembuktian. Walau bagaimanapun, dapatan turut mendedahkan bahawa ketidakkonsistenan dalam penerapan kaedah-kaedah ini sering menyebabkan percanggahan dalam alasan penghakiman, khususnya berkaitan isu nafkah dan penderaan rumah tangga.

Hal ini memperkuat pandangan bahawa isu beban pembuktian bukan sahaja bersifat teori, tetapi mempunyai implikasi langsung terhadap keadilan substantif dalam kes-kes keluarga. Justeru, penekanan terhadap latihan hakim serta pembangunan garis panduan berasaskan fiqh amat penting untuk memastikan konsistensi dan ketelusan dalam proses pembuktian di Mahkamah Syariah.

Darjah Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Syariah

Konsep darjah pembuktian atau *quantum of proof* merujuk kepada tahap keterangan yang diperlukan untuk memenuhi syarat sesuatu tuntutan di mahkamah. Suhaizad (2021) menggunakan istilah ini untuk menekankan bahawa pengetahuan yang jelas mengenai tahap pembuktian amat penting bagi menjamin keadilan dalam penghakiman. Tanpa penetapan darjah pembuktian yang tepat, keputusan kehakiman berisiko terdedah kepada ketidakpastian dan percanggahan.

Kajian awal seperti Abe Sohpihan et al. (2014) dan Raihanah (1997) membincangkan darjah pembuktian dalam kes pembubaran perkahwinan, namun hanya secara umum. Abe Sohpihan et al. (2014) menekankan keperluan isteri menyediakan bukti sahih, sama ada melalui saksi atau dokumentasi, untuk membuktikan pengabaian tanggungjawab suami. Raihanah (1997) pula menegaskan bahawa Mahkamah Syariah menuntut keterangan yang jelas dan kukuh bagi menyokong alasan fasakh menurut syarak. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak mengupas dengan mendalam tahap pembuktian yang diperlukan sama ada setakat *zan*, *zan al-ghālib*, atau *yaqīn*.

Kelompokan ini diisi oleh kajian lanjutan seperti Ruzman (2007), Mohd Zaidi & Raihanah (2018), Nik Farahin (2019), Suhaizad et al. (2019), Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda et al. (2021), Suhaizad (2021), dan Shadli et al. (2022). Kajian-kajian ini menekankan bahawa darjah pembuktian dalam kes mal lazimnya ditentukan sama ada melalui tahap *zan* atau *zan al-ghālib*.

Nik Farahin (2019) menyatakan bahawa tahap pembuktian utama seharusnya mencapai keyakinan penuh (*yaqīn*). Namun, dalam keadaan tertentu seperti kes muflis atau pewarisan harta, *al-zan al-ghālib* boleh diterima sebagai mencukupi. Pandangan ini turut disokong oleh Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda et al. (2021) yang menegaskan bahawa *al-zan al-ghālib* sah digunakan apabila keyakinan penuh tidak dapat dicapai, contohnya dalam kes kematian yang hanya disangka kuat. Shadli et al. (2022) pula menyatakan bahawa hanya *al-zan al-ghālib* boleh diterima kerana tahap lain seperti *al-zan*, *al-shakk* dan *al-wahm* membawa ketidakpastian.

Menurut Suhaizad (2021), *al-zan al-ghālib* boleh ditafsirkan sebagai tahap keyakinan melebihi 90% terhadap keterangan yang dikemukakan, sesuai untuk kes *ta‘zīr* yang tidak menuntut bukti mutlak tetapi masih boleh meyakinkan hakim. Berbeza dengan itu, kajian Ruzman (2007), Mohd Zaidi & Raihanah (2018), dan Suhaizad et al. (2019) menyatakan bahawa *zan* juga boleh

diterima dalam bentuk bukti tidak langsung, asalkan ia membawa kepada keyakinan yang kuat, walaupun tidak mutlak. Dari sudut kebarangkalian, tahap ini dianggarkan antara 51% hingga 89%, manakala *al-zan al-ghālib* berada pada tahap yang lebih tinggi menghampiri kepastian.

Walaupun wacana akademik mengenai darjah pembuktian semakin berkembang, masih wujud jurang yang ketara khususnya dalam konteks kes fasakh. Hal ini demikian kerana kes fasakh melibatkan pelbagai alasan yang diperuntukkan di bawah akta, enakmen atau ordinan Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Sebagai misal, Seksyen 51 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan beberapa alasan yang membolehkan perkahwinan difasakhkan, dan setiap alasan tersebut menuntut penentuan tahap pembuktian yang berbeza. Ketiadaan garis panduan yang jelas dalam hal ini berpotensi menimbulkan ketidakselarasan dalam penghakiman. Misalnya, timbul persoalan bagaimana hubungan antara instrumen pembuktian seperti laporan perubatan, laporan polis, penyata gaji dan dokumen sokongan lain dengan tahap kepuashatian hakim untuk menentukan sama ada sesuatu dakwaan mencapai tahap *al-zan* atau *al-zan al-ghālib*.

Isu darjah pembuktian ini bukan sahaja mencetuskan perbahasan dalam kes fasakh di Mahkamah Syariah, malah turut timbul dalam kes pembubaran perkahwinan di Mahkamah Sivil. Sebagai contoh, dalam kes *Christie Yong Vui Loong v. Tracy Liew Tze Tin (Tang Yik Lan, the party cited)* [2022] MLJU 3020, penghujahan pihak-pihak dan pertimbangan mahkamah menekankan persoalan sama ada pembuktian dalam kes kekeluargaan di bawah Seksyen 54 Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memadai berdasarkan piawaian *balance of probabilities* atau perlu mencapai tahap *beyond reasonable doubt*.

Oleh itu, kajian normatif-empiris diperlukan untuk memperincikan aplikasi darjah pembuktian ini dalam amalan kehakiman, agar proses pembuktian lebih konsisten dan selaras dengan prinsip keadilan Syariah.

Perbandingan Keterangan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Dalam konteks undang-undang keterangan di Malaysia, terdapat beberapa perbezaan ketara antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil (Ruzaiman, 1997; Suhaizad et al., 2019; Nurbazla et al., 2021). Kajian Suhaizad et al. (2019) membandingkan Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 dengan Akta Keterangan 1950 (AK 1950) yang digunakan di Mahkamah Sivil. Mereka mendapati bahawa terdapat tujuh kaedah pembuktian dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, di mana lima daripadanya diadaptasi daripada AK 1950. Penemuan ini menunjukkan adanya usaha ke arah pengharmonian aspek-aspek undang-undang Sivil dan Syariah.

Namun, kajian Muhammad Hazim Ahmad et al. (2020) menekankan bahawa penerimaan bukti saintifik di Mahkamah Syariah masih jarang berlaku, meskipun undang-undang keterangan Syariah menyediakan peruntukan yang hampir sama dengan AK 1950 dalam hal pembuktian saintifik. Hakikatnya, hukum Syarak tidak menolak bukti saintifik, bahkan menerimanya sebagai salah satu bentuk keterangan dalam mensabitkan atau menafikan dakwaan. Suhaizad Saifudin, Ruzian Markom, dan Mohd Munzil (2017) turut menegaskan bahawa walaupun terdapat perbezaan prinsip dan pendekatan antara kedua-dua sistem, fungsi utamanya tetap untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, beberapa jurang kajian masih wujud. Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan analisis teks undang-undang tanpa menilai secara mendalam bagaimana persamaan peruntukan tersebut diaplikasikan dalam amalan kehakiman. Kedua, isu penerimaan bukti saintifik yang dibangkitkan oleh Muhammad Hazim Ahmad et al. (2020) menunjukkan wujudnya jurang antara teori peruntukan dengan pelaksanaannya, terutamanya dalam kes kekeluargaan seperti fasakh. Ketiga, perbandingan terdahulu kurang meneliti secara kritikal bagaimana perbezaan darjah pembuktian atau beban pembuktian dalam kedua-dua sistem memberi kesan kepada keputusan penghakiman. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk menilai bukan sahaja persamaan dan perbezaan secara teoritikal, tetapi juga bagaimana ia diaplikasikan dalam kes tertentu, agar dapat menyediakan asas yang lebih kukuh bagi mengharmonikan sistem keterangan Sivil dan Syariah dalam menjamin keadilan.

Kaedah Mengemukakan Keterangan Melalui Pernyataan Saksi (*Witness Statement*)

Di Mahkamah Sivil, beberapa artikel akademik telah membincangkan penggunaan pernyataan saksi. Sebagai contoh, Hamid Sultan (2010) menekankan bahawa pernyataan saksi merupakan sebahagian daripada proses pengurusan kes dan pemeriksaan awal yang dapat menjimatkan masa mahkamah serta memberi ruang kepada pihak-pihak menyediakan strategi soal balas dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks Mahkamah Syariah, perbincangan ilmiah mengenai penggunaan pernyataan saksi masih kurang diberikan perhatian. Hal ini penting kerana undang-undang keterangan Syariah di Malaysia, termasuk akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri, menetapkan bahawa keterangan hendaklah dikemukakan secara lisan. Misalnya, Seksyen 100 Enakmen Tatacara Mal Syariah Negeri Selangor 2003 memperuntukkan bahawa sebarang fakta yang hendak dibuktikan melalui keterangan pihak atau saksi mestilah dikemukakan secara lisan di Mahkamah terbuka.

Sebaliknya, di Mahkamah Sivil, walaupun terdapat peruntukan yang hampir sama melalui Kaedah 32(1) *Divorce and Matrimonial Proceedings Rules* 1980, penggunaan istilah “ordinarily” menunjukkan bahawa keterangan lisan bukanlah suatu keperluan mutlak, sebaliknya tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Hal ini dapat diperhatikan dalam beberapa kes pembubaran perkahwinan di bawah seksyen 53 dan 54 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, antaranya *Teoh Cy Kuan (L) v Lee Lai San (P)* [2020] MLJU 200, *Yew Yin Lai v Teo Meng Hai & Anor* [2012] MLJU 1456, *Christie Yong Vui Loong v. Tracy Liew Tze Tin (Tang Yik Lan, the party cited)* [2022] MLJU 3020, dan *GGC v CCC & Anor* [2016] MLJU 377. Kesemua kes ini merupakan petisyen pembubaran perkahwinan yang memperlihatkan penggunaan pernyataan saksi sebagai kaedah penyampaian keterangan.

Akta, enakmen dan ordinan keterangan syariah negeri-negeri di Malaysia, yang diadaptasi daripada AK 1950, juga tidak memperuntukkan secara eksplisit penerimaan pernyataan saksi bertulis. Namun, prinsip-prinsip umum dalam akta, enakmen dan ordinan tersebut membuka ruang untuk menilai kebolehterimaan bentuk keterangan ini secara implisit, meskipun keutamaan kekal pada bentuk keterangan lisan.

Beberapa peruntukan undang-undang menunjukkan ruang fleksibiliti ini. Misalnya, seksyen 46 Ordinan Undang-Undang Keterangan Syariah, 2001 (OKS 2001) dan seksyen 59 AK 1950

memperuntukkan bahawa fakta, selain kandungan dokumen, boleh dibuktikan melalui keterangan lisan. Walaupun menekankan aspek lisan, penggunaan istilah “boleh” membuka ruang kepada bentuk lain keterangan termasuk pernyataan saksi. Dalam kes *MSM Malaysia Holdings Berhad & Ors v Transnational Insurance Brokers (M) Sdn Bhd* [2022] MLJU 358, mahkamah membenarkan penggunaan pernyataan saksi bertulis yang disahkan semula melalui keterangan lisan, sekaligus menunjukkan pengiktirafan bentuk gabungan antara dokumen dan keterangan lisan.

Selain itu, Seksyen 84 OKS 2001 dan Seksyen 119 AK 1950 membenarkan saksi yang tidak mampu bercakap untuk memberi keterangan melalui tulisan atau isyarat, dengan syarat ia tetap dikemukakan di Mahkamah terbuka. Hal ini menunjukkan bahawa penekanan utama tetap terletak pada kehadiran dan penyampaian keterangan secara langsung di hadapan hakim. Begitu juga dengan Seksyen 99 OKS 2001 dan Seksyen 145 AK 1950 yang memperuntukkan mekanisme pemeriksaan balas terhadap kandungan dokumen atau pernyataan saksi bertulis, dengan syarat kandungannya dirujuk secara jelas semasa soal balas.

Dalam literatur Syariah pula, wujud perbincangan mengenai konsep *kitābah*. Artikel Wan Abdul Fattah dan Zulfakar (2013) menegaskan bahawa *kitābah* dalam fiqh merujuk kepada dokumen sebagai alat pembuktian, bukannya kaedah mengemukakan keterangan seperti pernyataan saksi. Oleh itu, artikel ini tidak secara langsung menyokong penggunaan pernyataan saksi dalam Mahkamah Syariah kerana konsepnya berbeza; ia menekankan dokumen sebagai bukti, bukan kenyataan bertulis yang ditender atau dibacakan di mahkamah.

Tambahan pula, isu kebolehterimaan pernyataan saksi turut menimbulkan persoalan dari sudut dasar pentadbiran kehakiman. Pada tahun 2019, Ketua Hakim Syarie Malaysia telah mengeluarkan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2019: Garis Panduan dan Format Penyediaan Penyata Keterangan Plaintif, Defendan dan Saksi Secara Bertulis, yang memperkenalkan penggunaan pernyataan saksi secara bertulis dalam prosiding Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, arahan tersebut mencetuskan perbahasan kerana berpotensi bercanggah dengan peruntukan undang-undang bertulis, khususnya Seksyen 100 Enakmen Tatacara Mal Syariah (Negeri Selangor) 2003 serta peruntukan yang seumpamanya di negeri-negeri lain. Ini kerana seksyen berkenaan secara jelas mensyaratkan bahawa keterangan hendaklah diberikan secara lisan di Mahkamah terbuka, sedangkan Arahan Amalan tersebut membenarkan penggunaan pernyataan saksi secara bertulis yang hanya perlu disahkan oleh pihak yang memberi keterangan, tanpa keperluan untuk dibacakan keseluruhannya di dalam mahkamah.

Isu ini membuktikan bahawa meskipun terdapat usaha reformasi pentadbiran untuk memperkenalkan pernyataan saksi dalam Mahkamah Syariah, ia berdepan halangan undang-undang substantif. Dari segi hierarki norma, Arahan Amalan tidak mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada undang-undang bertulis negeri, justeru tidak boleh mengatasi peruntukan akta, enakmen atau ordinan keterangan Syariah (Zubaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Keadaan ini menunjukkan keperluan penelitian lanjut bagi memastikan cadangan inovatif seperti ini tidak bercanggah dengan prinsip asas pembuktian dalam undang-undang Syariah.

Secara keseluruhannya, perbandingan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa kedua-duanya mengekalkan prinsip keterangan lisan sebagai asas utama pembuktian. Namun, Mahkamah Sivil telah membangunkan mekanisme yang lebih fleksibel

dengan menerima pernyataan saksi dalam konteks tertentu, manakala Mahkamah Syariah masih terikat dengan peruntukan mandatori keterangan lisan. Hal ini menimbulkan satu jurang kajian penting, iaitu bagaimana Mahkamah Syariah boleh menilai dan menyesuaikan penggunaan pernyataan saksi bertulis secara sah tanpa bercanggah dengan undang-undang keterangan sedia ada, serta sejauh mana reformasi pentadbiran kehakiman mampu menyelesaikan kekangan perundangan tersebut.

Praktikal Fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia

Kajian-kajian terdahulu telah banyak membincangkan isu pembubaran perkahwinan secara fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia dalam pelbagai konteks. Antaranya, Raihanah (1997) meneliti alasan-alasan fasakh berdasarkan pandangan mazhab dan perkembangan undang-undang keluarga Islam, manakala Raihanah et al. (2017) menumpukan kepada fasakh atas alasan kecacatan sebagai asas pembubaran perkahwinan di bawah undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Noratiqah (2017) pula mengkaji konsep fasakh menurut perspektif perundangan Islam dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, serta implikasinya terhadap pemeliharaan hak wanita. Seterusnya, Mohd Zaidi dan Raihanah (2018) menekankan aspek prosedur fasakh dengan menyoroti isu penyampaian saman, bidang kuasa mahkamah dan kelewatan pengurusan kes, manakala kajian lanjutan mereka pada tahun 2019 membincangkan kelemahan dan kekuatan peruntukan undang-undang tatacara sedia ada serta faktor-faktor kelewatan yang berlaku. Mohd Zaidi (2019) juga turut menjalankan analisis perbandingan dengan Singapura dan Brunei, mendapati bahawa penambahbaikan prosedur mampu meningkatkan keberkesanan penyelesaian kes di Mahkamah Syariah. Di samping itu, Tengku Fatimah et al. (2021) menekankan hak isteri untuk memohon fasakh sebagai mekanisme menghilangkan kemudaratannya berdasarkan prinsip pencegahan mudarat dalam Islam.

Daripada kesemua kajian ini, dapat dikenal pasti beberapa persamaan yang dominan dalam alasan fasakh. Antara yang paling kerap diketengahkan ialah kecacatan atau penyakit yang berjangkit dan tidak dapat diubati, kegagalan suami menunaikan nafkah dalam tempoh tertentu, kehilangan pasangan atau pemenjaraan bagi tempoh yang panjang, penderaan fizikal atau emosi, serta *syiqaq* iaitu pertelingkahan serius yang membawa kemudaratannya. Namun begitu, terdapat juga perbezaan dari segi penekanan tema. Misalnya, definisi dan kriteria kecacatan tidak seragam; ada kajian yang menjelaskannya secara terperinci manakala ada yang bersifat umum. Sesetengah kajian turut menyebut tabiat buruk suami seperti ketagihan alkohol atau dadah, isu perkahwinan tidak sah, serta peranan wali mujbir yang membenarkan penolakan perkahwinan oleh isteri yang dikahwinkan sebelum baligh. Perbezaan ini mencerminkan variasi fokus dan pendekatan yang digunakan dalam memahami alasan fasakh.

Walaupun alasan-alasan fasakh telah diperuntukkan secara umum dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat jurang dalam kajian terdahulu kerana aspek fasakh di bawah seksyen 53(1)(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai misal masih kurang diberi perhatian, khususnya dari sudut aplikasi pandangan mazhab dalam menentukan alasan yang sah. Perkara ini penting bagi memastikan keseragaman antara Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia.

Dari segi prosedural pula, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kes fasakh sering tertangguh akibat kelewatan proses dan kerumitan tatacara, justeru menimbulkan cadangan agar undang-undang tatacara mal diperbaiki bagi mempercepatkan penyelesaian kes.

Sungguhpun banyak penelitian telah dilakukan, perbincangan mendalam tentang aspek keterangan dalam prosiding fasakh masih terhad. Hanya beberapa kajian seperti Raihanah (1997), Noratiqah (2017), Mohd Zaidi dan Raihanah (2018), serta Mohd Zaidi (2019) menyentuh isu keterangan, beban pembuktian, dan tahap pembuktian sebagai elemen penting dalam menjamin keadilan. Elemen-elemen ini sering dikaitkan dengan kelewatan kes dan halangan kepada penyelesaian yang cepat serta adil. Kekurangan tumpuan terhadap aspek ini membuka ruang kepada cadangan penyelidikan lanjut, khususnya tentang prosedur pembuktian dalam kes fasakh, termasuk penilaian terhadap penggunaan pernyataan saksi menurut perspektif hukum Syarak.

Selain itu, penyelidikan yang bersifat empirik juga perlu dilaksanakan untuk menilai cabaran beban pembuktian, terutamanya yang dihadapi wanita sebagai pihak yang membuat tuntutan. Begitu juga, analisis mendalam terhadap darjah pembuktian yang diaplikasikan sama ada *al-zan* atau *al-zan al-ghālib* perlu diberi perhatian bagi menilai kesesuaiannya dengan prinsip keadilan dan kecukupan proses. Kajian lain yang dicadangkan termasuklah menilai keberkesanan latihan peguam syarie dan hakim dalam aspek pengendalian keterangan, serta meninjau tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pembuktian dalam tuntutan fasakh. Secara keseluruhannya, walaupun kajian terdahulu telah mengupas aspek alasan dan prosedur fasakh dengan agak meluas, masih terdapat jurang yang signifikan dalam memahami peranan keterangan, beban pembuktian, dan tahap pembuktian dalam prosiding fasakh. Aspek penggunaan pernyataan saksi di Mahkamah Syariah juga belum banyak diberikan perhatian secara mendalam. Kajian lanjut dalam bidang-bidang ini diyakini dapat memberikan sumbangan besar kepada penambahbaikan sistem perundangan Syariah di Malaysia agar lebih efisien, adil, dan konsisten dengan prinsip hukum Syarak.

Kesimpulan

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa walaupun wacana undang-undang keluarga Islam semakin berkembang, aspek undang-undang keterangan dalam kes fasakh masih memerlukan penelitian mendalam. Isu-isu seperti beban pembuktian, darjah pembuktian, penerimaan bukti saintifik, serta cabaran membuktikan penderaan emosi masih kurang diteliti secara kritis. Jurang ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana undang-undang keterangan Syariah benar-benar mampu menjamin keadilan substantif, khususnya bagi pihak-pihak rentan seperti wanita dalam tuntutan fasakh.

Selain itu, literatur semasa turut mendedahkan wujudnya jurang antara kerangka normatif dengan realiti praktis kehakiman. Walaupun prinsip fiqhiyyah dan peruntukan undang-undang menyediakan asas kukuh, ketidakkonsistenan aplikasi beban dan darjah pembuktian boleh menyebabkan percanggahan keputusan serta kelewatan prosiding. Perbandingan dengan Mahkamah Sivil turut membuka ruang refleksi bahawa sistem Syariah berpotensi diperkaya melalui adaptasi amalan terbaik, misalnya penerimaan bukti saintifik atau mekanisme pernyataan saksi yang dikawal ketat.

Oleh itu, penelitian lanjutan perlu menekankan pendekatan normatif-empiris dengan memberi fokus kepada pengalaman praktikal hakim, peguam syarie, dan pihak-pihak dalam kes fasakh. Kajian sebegini akan memperkukuh kefahaman akademik dan menyumbang kepada penambahbaikan amalan kehakiman di Mahkamah Syariah. Pada akhirnya, pengukuhan instrumen pembuktian diharap mampu menjadikan sistem perundangan Syariah lebih efisien, konsisten, seragam dan yang paling penting adalah seiring dengan *maqāṣid al-sharī'ah* yang menegakkan keadilan serta melindungi hak asasi manusia.

Penghargaan

Penyelidikan merupakan corresponding author adalah pelajar yang dibiayai Skim Hadiah Latihan dalam Perkhidmatan Kerajaan Sarawak.

Rujukan

- Abdulrahman Zain Ahmed Al-Attas, & Noor Naemah Abdul Rahmani. (2021). The Relationship Between Concept of Dawabit Fiqhiyyah and Dawabit Usuliyyah: a Descriptive Study. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 24(1), 67-77. <https://al-qanatr.com/aq/article/view/314>
- Abu Sufian Ab Ghani, Zanirah Mustafa@Busu, Norzuraida Binti Hasan, & Asiah Kamal. (2024). Syariah dalam fokus: Menjelajahi ciri-ciri perundangan, maqasid, dan skopnya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(66), 485–494. <https://academicinspired.com/jised/article/view/2542>
- Azizah Mohd Rapini, & Ruzman Md. Noor. (2017). Prinsip Keadilan Dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9, 129–130. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.45>
- Bahiyah Ahmad. (2019). Penentuan Kifayah Adna Sebagai Jaminan Nafkah Isteri Di Dalam Islam: Kajian Kes Di Lembah Klang, Malaysia. *UMRAN, International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 111–126. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2.261>
- Booth, W. C., Colomb, G. G., & Williams, J. M. (2008). *The craft of research* (3rd ed.). University of Chicago Press.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Hamid Sultan bin Abu Backer, H. (2010). Case management and preliminary cross-examination witness statement. *Malayan Law Journal*, 2(MLJ), xlviii–lxii.
- Hart, C. (2018). *Doing a literature review: Releasing the research imagination* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Ilham Mustapa, Hadenan Towpek, Rafeah Saidon, & Mohd Syahiran Abdul Latif. (2025). Penentuan beban pembuktian dalam penghakiman kes fasakh: Aplikasi mengikut undang-undang Islam. *Journal of Shariah Law Research*, 10(1), 63–88. <https://doi.org/10.22452/jslr.vol10no1.4>
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Mohd Sabree Nasri dan Ruzman Md Noor (2022). Kerelevanan Fakta Menurut Undang-Undang Keterangan Di Mahkamah Syariah. *Journal of Law & Governance. Volume 4 (No. 1)*, h. 104.
- Mohd Zaidi Bin MD Zain @ Zakaria. (2019). *Pemakaian Undang-Undang Tatacara Mal Dalam Prosiding Tuntutan Fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mohd Zaidi Md Zain @ Zakaria, & Raihanah Abdullah. (2018). Tuntutan fasakh: Kajian dari Perspektif Undang-Undang Tatacara Mal. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 1–34. <https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol3no1.1>
- Muhaimin, SH., M.Hum. (2020). *Metode penelitian hukum*. Mataram, NTB: Mataram University Press.
- Muhammad Hazim, Ahmad Syukran, Zakaria, Mohamad Anwar, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, & Nur Khairina Othaman. (2020). Bukti Saintifik Dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah: Analisis Perundangan Bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 67–92.
- Mushaddad, M., et al. (2018). Maqasid Shariah and Evidentiary Principles in Islamic Law. *Journal of Islamic Studies*, 22(4), 77–95.
- Nik Nur Farahin Nik Zulkifli. (2019). *Kebolehterimaan Sumpah (Al-Yamin) Sebagai Keterangan: Analisis Terhadap Peruntukan Undang-Undang dan Kes di Mahkamah Syariah Selangor* (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Nik Nur Farahin. (2019). Kebolehterimaan Sumpah dalam Pembuktian Kes Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 27(1), 88–109.
- Noratiqah Mohd Sabri. (2017). *Pandangan Peguam Syarie Tentang Pemeliharaan Hak Wanita Dalam Pembubaran Perkahwinan Melalui Fasakh di Negeri Selangor* (Disertasi Sarjana Falsafah). Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Raihanah Abdullah. (1997). Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh. *Jurnal Syariah*, 5(1), 1–16. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/28415>
- Raihanah binti Abdullah, Mahamatayuding samah & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2017, April 11–12). *Kecacatan sebagai alasan membubarkan perkahwinan melalui fasakh menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, Narathiwat, Thailand.
- Ruzaman Md. Noor & Mohd Istajib Mokhtar. (2011). “Ulasan Kes Dari Aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain,” *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, vol 26 No.1, hlm. 130-146.
- Ruzman Md Noor. (1997). Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561). *Kanun*, 27(1), 195-200.
- Ruzman Md. Noor. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahādah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1–23. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22769>
- Ruzman Md. Noor. (2008). Kesaksian dalam konteks undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia: Analisis dari perspektif mazhab Syafi’i. *Jurnal Fiqh*, 5, 1–20.
- Ruzman. (2007). Beban Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Syariah. *Jurnal Syariah*, 15(2), 41–60.
- Shadli, M., et al. (2022). Comparative Analysis of Fault-Based and No-Fault Divorce in Islamic and Civil Law. *Journal of Comparative Family Law*, 10(1), 77–92.
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339.
- Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhamad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2020). Pemakaian Beban dan Darjah Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Suatu Analisis. *Akademika*, 90(1), hlm. 87-98. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-08>

- Suhaizad Saifuddin. (2021). Darjah Pembuktian Bagi Kesalahan Hudud di Bawah Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia: Yaqin atau Zan al-Ghalib? *INSLA e-Proceeding*, 4(1), 32–41.
- Suhaizad Saifuddin. (2021). Peruntukan Beban Pembuktian di Bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Undang-Undang Masyarakat*, 28(2), 89. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-28-08>
- Suhaizad Saifudin, Ruzian Markom, & Mohd Munzil. (2019). Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34.
- Suhaizad, S. (2021). Beban dan Darjah Pembuktian dalam Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Kehakiman Syariah*, 19(1), 53–70. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-08>
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd, & Noraini Md. Hashim. (2021). Hak isteri terhadap fasakh menghilangkan kemudaratan dalam perkahwinan. Dalam Normadiah Daud, Syh Noorul Madiah Syed Husin, & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda (Eds.), *Fiqah Kekeluargaan Islam Isu Terpilih* (hlm. 42–45). Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wan Abdul Fatah, & Zulfakar Ramlee. (2013). Keterangan Melalui *Kitābah*: Menurut Fiqh dan Undang-Undang Semasa di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, 17(1), 1–11.
- Wan Abdul Fattah, Hasnizam Hashim, Zulfaqar Mamat, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, & Norma Jusof. (2021). Sumpah Nafy Al-'Ilmi Menurut Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia. *al-Maqāsid*, 2(2), 25–37. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v2i2.11>
- Zulfaqar Mamat. (2020). Aplikasi Kaedah Fiqh "La Darar Wa La Dirar" Dalam Isu COVID-19 di Malaysia. *INSLA e-Proceedings*, 3(1), 331–339. <http://insla.usim.edu.my/index.php/eproceeding/article/view/37/39>
- Zubaidi Sulaiman, & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan Dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Suatu Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29–50.

Senarai Statut

Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]
 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
 Ordinan Keterangan Syariah, 2001
 Ordinan Tatacara Mal Syariah, 2001
 Ordinan Undang Keluarga Islam, 2001
Divorce and Matrimonial Proceedings Rules 1980
 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003
 Enakmen Tatacara Mal Syariah (Negeri Selangor) Tahun 2003

Senarai Kes Mahkamah

MSM Malaysia Holdings Berhad & Ors v Transnational Insurance Brokers (M) Sdn Bhd [2022] MLJU 358
 Teoh Cy Kuan (L) v Lee Lai San (P) [2020] MLJU 200
 Yew Yin Lai v Teo Meng Hai & Anor [2012] MLJU 1456

Christie Yong Vui Loong v. Tracy Liew Tze Tin (Tang Yik Lan, the party cited), [2022] MLJU 3020
GGC v CCC & ANOR [2016] MLJU 377

Senarai Arahan Amalan

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2019: Garis Panduan dan Format Penyediaan Penyata Keterangan
Plaintif, Defendan dan Saksi Secara Bertulis